



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Waspada kelicikan IS pengaruhi fikiran

Penahanan seorang remaja perempuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini kerana dipercayai cuba menyertai kumpulan militan Negara Islam (IS) mencetuskan rasa kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

Suspek yang baru berusia 14 tahun dan berasal dari Muar, Johor ditahan polis sebelum menaiki pesawat ke Mesir sebagai negara transit ke Syria. Dia disyaki berniat terbahit dalam aktiviti kumpulan militan IS di Syria.

Berdasarkan fakta kes, remaja ini dilaporkan terpengaruh dengan fahaman ekstremis militan berkenaan selepas berinteraksi dengan dua individu di Facebook sebelum bertindak nekad mahu meninggalkan negara bagi menyertai kumpulan terbabit.

Mengulas perkara terbabit, menurut Pengerusi Ahli Sunnah Wal Jamaah Zamihan Mat Zin, momokan janji syurga dan pahala syahid digunakan IS untuk menarik gadis menjadi 'isteri wakaf' kepada ahli mereka yang mahu melampiaskan nafsu melalui laman sosial serta rangkaian wakil seluruh dunia.

Lebih merisaukan apabila dilaporkan lebih 60 rakyat negara ini sudah dikenal pasti menyertai kumpulan IS di Syria.

Mereka ini mula menjadi dalang merekrut gadis tempatan yang ingin mendalami agama selain menawarkan mereka menjadi isteri kepada ahli IS.

Tatkala kita memuji tindakan pantas pihak polis yang dapat menghidu gerak geri taktik kumpulan ini seterusnya dapat mengekang remaja itu keluar dari Malaysia, masyarakat tetap menzahirkan kebimbangan lebih ramai lagi rakyat, terutama golongan muda menjadi mangsa.

Pujukan IS

Apa yang dapat kita rumuskan ketika ini ialah golongan muda dilihat begitu mudah terpengaruh dengan pujukan dan godaan IS dalam laman sosial. Mereka dilihat sanggup meninggalkan keluarga dan juga negara.

Justeru, sudah semestinya kita mahu perkara ini ditangani dengan segera. Kita percaya pihak berkuasa seperti polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) boleh bertindak dengan cepat menangani hal berkenaan.

Kekasih Facebook ajak berjihad

■ Gadis 14 tahun rancang kahwin pemuda Malaysia di Mesir sebelum menyusup ke Syria



Oleh **Muhammad Hafiz Hameed**
mhafiz@metro.com.my
Kuala Lumpur

seorang rakyat Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian di Mesir sebelum disyaki akan menyusup masuk ke Syria.

LAPORAN Harian Metro 19 Februari lalu.

Kita sedia maklum betapa kuatnya pengaruh fenomena laman sosial seperti Facebook dalam kalangan generasi muda hari ini. Maka sememangnya kaedah mencari dan mengumpam mangsa baru melalui laman sosial seperti ini dilihat sebagai satu strategi yang cukup licik dan ampuh.

Oleh yang demikian pihak polis dan SKMM perlu bekerjasama dengan lebih rapat supaya kegiatan terbabit bukan saja dapat terus dipantau oleh pakar tetapi lebih penting kita mahu ia dicegah seterusnya dihapuskan hingga ke akar umbi daripada terus menjadi virus dalam kalangan anak tempatan.

Dalam pada itu, kita juga memohon agar pihak berkuasa agama negara ini melipatgandakan usaha memberikan penerangan lebih jelas dan terperinci kepada masyarakat mengenai konsep sebenar jihad dan perjuangan dalam Islam.

Masyarakat juga perlu didedahkan dengan pemesongan perjuangan kumpulan militan seperti ini yang jelas lari daripada landasan perjuangan Islam yang sebenar sehingga sanggup melakukan pembunuhan dan keganasan sesuka hati atas takrifan maksud jihad mereka yang tersendiri.

Misalnya apakah dalam Islam disuruh bakar orang secara hidup-hidup. Penulis percaya ada rakyat kita mengagungkan konsep perjuangan yang dibawa oleh IS tanpa memeriksa latar belakang perjuangan mereka secara lebih terperinci.

Mereka dilihat sebagai wira, hero dan pejuang sebenar yang suci, berani dan kuat. Ini satu persekitaran yang cukup tidak sihat kepada masyarakat kita dan jelas ini bukan budaya kita. Apatah lagi

perkara ini didalangi oleh rakyat kita sendiri yang berada di Syria hingga menyebabkan tahap keyakinan dan kepercayaan golongan muda meningkat naik dengan mudah untuk menyertai mereka.

Pantau gerak-geri anak

Ibu bapa perlu memerhatikan dan memantau secara rapat setiap gerak-geri dan tingkah laku anak mereka, terutama dalam laman sosial. Anak yang secara tiba-tiba menunjukkan perubahan yang ketara dan bersikap agresif dalam hukum Islam perlu ditangani dengan segera secara berhemah. Seandainya dapat mengesan perkara seumpama ini berlaku ke atas anak mereka sewajarnya merujuk mereka kepada pihak berkuasa agama agar dapat menghulurkan bantuan dan bimbingan yang betul sebelum nasi menjadi bubur.

Aktiviti anak kita yang melanjutkan pengajian di luar negara, terutama di Timur Tengah perlu juga dipantau. Ingat sesal dulu ada pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Kita tidak mahu anak kita menjadi mangsa seterusnya yang hanyut dengan pujuk rayu kumpulan militan ini.

Fahamilah konsep perjuangan Islam yang sebenar. Andai ada kemusykilan segera rujuk kepada pihak yang lebih arif. Jangan ter-lalu cepat membuat keputusan tanpa mengkaji secara mendalam terlebih dulu. Dan jangan sesekali menghancurkan masa depan sendiri.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA
Momokan janji syurga dan pahala syahid digunakan IS untuk menarik gadis menjadi 'isteri wakaf'